

Klinik awam-swasta dilancar di Keat Hong

LEBIH ramai pesakit kini boleh mendapatkan penjagaan kesihatan menyeluruh lagi berpatutan di Klinik Perubatan Keluarga (FMC) Keat Hong.

Klinik tersebut dilancar Menteri Kesihatan Gan Kim Yong dalam majlis yang turut dihadiri Anggota Parlimen (AP) GRC Chua Chu Kang Zaqy Mohamad semalam.

Terletak di Kelab Masyarakat (CC) Keat Hong, klinik itu, yang ditubuhkan sebagai sebahagian daripada perkongsian awam-swasta antara Trilink Healthcare dan Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS), menyediakan khidmat penjagaan kesihatan bermutu dan holistik kepada penduduk kawasan barat Singapura.

FMC itu turut menawarkan penjagaan peribadi yang dipantau pakar.

Dengan keluasan 600 meter persegi yang memuatkan tujuh bilik konsultasi, FMC Keat Hong membolehkan pesakit penyakit kronik seperti kencing manis dan tekanan darah tinggi mendapatkan diagnosis serta rawatan.

Pusat itu juga menawarkan rawatan seperti fisioterapi, imbasan ultrabunyi dan pemeriksaan kaki dan mata berkaitan kencing manis.

Ketua Eksekutif NUHS, Encik John Eu-Li Wong, berkata lebih 2,500 pesakit dari Poliklinik Choa Chu Kang telah dirujuk ke FMC Keat Hong sejak pusat dibuka pada April tahun lalu.

Seramai 1,500 pesakit mendapatkan rawatan di situ setiap bulan, dengan dua pertiga daripada mere-

ka menghadapi penyakit kronik.

Doktor keluarga (GP) berdekatan klinik itu, termasuk mereka dalam rangkaian penjagaan asas (PCN) NUHS, juga boleh mengakses khidmat dan kemudahan FMC Keat Hong bagi menguruskan pesakit.

Pengarah FMC Keat Hong, Dr Loke Lam Weng, berkata:

“FMC Keat Hong juga menyokong PCN NUHS, skim diterajui Kementerian Kesihatan (MOH) bagi penjagaan lebih baik dalam masyarakat.

“GP dalam rangkaian ini boleh merujuk pesakit ke FMC Keat Hong bagi mendapatkan khidmat Kesihatan Bersekutu dan khidmat lain. Pesakit juga boleh mendapatkan ubat pada kadar bersubsidi daripada farmasi kendalian NUH di FMC Keat Hong.

Encik Abdul Razak Abdul Rahman, 59 tahun, antara pesakit yang telah dirujuk ke klinik tersebut bagi mendapatkan rawatan menguruskan penyakit kencing manis.

“Selepas menghidap penyakit ini tiga tahun lalu, saya sering pergi ke Poliklinik Choa Chu Kang kerana dekat dengan rumah.

“Tahun lalu, saya dirujuk ke klinik baru ini dan saya dapati waktu memunggunya lebih singkat dan harganya lebih berpatutan, lebih-lebih lagi apabila saya dapat gunakan Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat (Chas).

“Dengan segala kemudahan di bawah satu bumbung, ia memang memudahkan pesakit,” ujarinya.

— FAKHRURADZI ISMAIL

PERIKSA MATA:
Encik Abdul Razak
Abdul Rahman
mendapatkan
pemeriksaan mata
di FMC Keat Hong
semalam ekoran
penyakit kencing manis
yang dihidapi.
- Foto ZAORAO

